



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

DI

**PERTANDINGAN PENGISAHAN KENEGARAAN
2018 PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

PADA

29 SEPTEMBER 2018

TEMPAT

**INSTITUT PERGURUAN GURU KAMPUS
BATU LINTANG, KUCHING**

Terima kasih Pengacara Majlis,

Salam Sejahtera,

Salutasi

- 1.** Pertama – tamanya saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kerana dapat bersama – sama dengan hadirin sekalian di majlis ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Penerangan Sarawak di atas inisiatif dan usaha untuk menjayakan penganjuran program ini.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

2. Saya telah dimaklumkan oleh pihak penganjur bahawa ***Pertandingan Pengisahan Kenegaraan*** merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan Malaysia dan tema pertandingan bagi tahun ini adalah **'Sayangi Malaysiaku'**. Sebentar tadi kita telah menyaksikan tiga (3) finalist akhir yang mempersembahkan persembahan masing – masing. Tahniah saya ucapkan kepada

ketiga ketiga kumpulan atas persembahan yang hebat dan penuh bermakna.

- 3.** Objektif utama program ini diadakan adalah untuk tidak lain tidak bukan bagi menanamkan nilai dan sifat cintakan negara melalui platform pertandingan penceritaan seperti ini, dan meningkatkan semangat integrasi antara kaum, budaya, agama dan wilayah melalui coretan sejarah dan perjuangan tokoh negara.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

4. Pada bulan ini dan bulan Ogos yang lalu, negara kita telah menyambut bulan kemerdekaan dan seterusnya menyambut perayaan Hari Malaysia pada bulan September. Dua Perayaan ini adalah begitu signifikan memandangkan ia melakarkan coretan bersejarah iaitu kemerdekaan bagi Malaysia dan terbentuknya Persekutuan baharu yang dinamakan Malaysia melalui penyertaan Sarawak, Singapura dan Sabah pada tahun 1963.

- 5.** Walaupun kita sudah menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia berulang kali, namun pada tahun ini ia agak berbeza dan signifikan kerana buat pertama kalinya, ia disambut dengan Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh gabungan parti politik yang berlainan.

- 6.** Pakatan Harapan telah menggantikan Barisan Nasional yang sebelum itu Perikatan, yang telah memerintah Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya

Malaysia sejak Merdeka lagi, iaitu selama 61 tahun.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

- 7.** Dahulunya jika kita lihat Sarawak merupakan salah satu wilayah yang bersama - sama dengan Sabah, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu yang telah bersetuju bergabung untuk membentuk keluarga yang lebih besar pada tahun 1963 yang kita panggil Malaysia.

8. Semasa pembentukan Malaysia yang termeterai secara rasmi pada 16 September 1963 dalam perjanjian yang kita panggil Malaysia Agreement atau MA 63, keempat-empat wilayah ini telah bergabung sebagai "***equal partners***" atau rakan seangkatan yang mempunyai status yang sama.

9. Walau bagaimanapun, perjalanan yang dilalui Malaysia sejak itu agak berliku dan dua tahun selepas pembentukan Malaysia, Singapura terkeluar dari gabungan.

10. Tahun-tahun berikutnya telah juga menukar status Sabah dan Sarawak dari rakan sekutu kepada negeri-negeri di dalam Malaysia.

11. Malaysia Baharu dan Kerajaan Pakatan Harapan telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan mengembalikan status rakan sekutu kepada Sabah dan Sarawak. Ini adalah sebahagian dari proses yang akan dilaksanakan setelah kajian MA 63 disiapkan.

12. Pengembalian status Sarawak dan Sabah sebagaimana di dalam MA 63 juga akan mengeratkan lagi hubungan dan sifat perpaduan dan kerjasama antara ketiga-tiga wilayah.

13. Keperluan - Keperluan pembangunan di Sarawak dan Sabah juga akan diberi lebih perhatian kerana seperti yang kita sedia maklum masih terdapat daerah-daerah yang mundur dan sangat memerlukan pembangunan pembangunan dan basic necessities.

14. Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan tidak akan sekali kali melupakan tanggungjawabnya kepada Sarawak terutamanya dan akan mencari jalan penyelesaian untuk memajukan infrastruktur yang akan dilaksanakan mengikut kehendak dan keperluan rakyat di sini.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

15. Oleh itu, marilah kita bersama-sama terus berganding bahu dan bekerjasama, merapatkan

perpaduan dan silaturahim bagi memastikan Malaysia yang tercinta ini terus dijaga demi kesejahteraan anak, cucu dan cicit serta generasi yang akan datang nanti.

- 16.** *"Countries that can establish 'good government' will stand a fair chance of providing their citizens with a decent standard of life. Countries that cannot will be condemned to decline and dysfunction."* **(John Micklethwait & Adrian Wooldrige)**

17. Seperti mana tahun 1957 dan 1963 telah meletak tanggungjawab yang besar kepada kita setelah tertubuhnya Malaysia, tahun 2018 turut meletak tanggungjawab yang sama di mana untuk membina semula Malaysia yang baharu.

18. Jika pada tahun 1957 kita memerdekakan Semenanjung Tanah Melayu dari penjajahan, bergabung pada tahun 1963 untuk memperkukuhkan kedaulatan kita, tahun 2018 ialah kemerdekaan dan penggabungan kali ke-2 dari zaman kleptokrasi

dan menolak semangat dan konsep "***absolutism***" yang dicorakkan oleh pemerintahan yang lepas di mana tidak langsung mengamalkan konsep check and balance.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

19. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas usaha dan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sarawak dalam pengukuhan semangat

patriotisme di kalangan rakyat Sarawak khususnya.

20. Akhir sekali, saya yakin dan percaya bahawa pertandingan Pengisahan Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sarawak ini akan menyemarakkan lagi semangat '***Sayang Malaysiaku***' kepada seluruh rakyat di Sarawak khususnya.

21. Oleh itu, saya berharap agar Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sarawak pada masa akan datang akan terus menganjurkan

lebih banyak lagi program
seumpama ini.

Sekian, terima kasih.